

# 'Latih takraw tampung belajar'

## Anuar terima Anugerah Dekan 6 kali, dinobatkan pemenang Anugerah Pelajaran Diraja

Oleh Syuhada Choo Abdullah

**P**UTRAJAYA: Ketika memasuki tahun pertama program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat di Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) pada 2003, Anuar Elias tidak mampu membeli sebarang buku pengajian.

Anak kelima daripada tujuh beradik kelahiran Kedah ini menghadapi krisis kewangan agak berat berikutan hanya memperoleh separuh bayaran pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional akibat masalah teknikal ketika itu.

Namun, Anuar merahsiakan kemelut itu serta tidak meminta bantuan daripada ayahnya yang bekerja sebagai pengawal keselamatan di sebuah sekolah rendah di Tawar, Baling, bagi menanggung keluarga besar mereka.

Beliau tidak mahu ayah bimbang dan terpaksa bekerja lebih mencari wang tambahan membantunya, di samping mengelakkan ibu, seorang

suri rumah (kini arwah), susah hati.

"Selepas membayar yuran pengajian, hanya tinggal baki RM100 atau RM200. Justeru, sepanjang tempoh pengajian tahun pertama, saya menampung keperluan dengan bekerja sebagai guru komputer dan jurulatih pasukan sepak takraw di Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang, setiap hujung minggu.

"Memang jadual amat sibuk dan memenatkan, tetapi saya cekalkan hati. Pada masa itu akibat tidak mampu membeli buku, saya meminjam daripada rakan sepengajian dan belajar awal-awal kerana apabila tiba musim peperiksaan, mereka perlu menggunakannya untuk ulang kaji.

"Saya terpaksa berjimat-cermat dan hanya fotostat bahan yang betul-betul penting. Walaupun tidak dapat membuat rujukan akhir menjelang peperiksaan, saya tetap bersedia serta yakin," katanya selepas Majlis Konvokesyen Kelima Usim di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, di sini, semalam.

Ketinggian semangat dan usaha gigih Anuar ternyata berhasil apabila beliau bukan saja menerima Anugerah Dekan enam kali sejak semester pertama, malah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Pelajaran Diraja pada majlis konvokesyen kali ini.

Beliau dengan seorang lagi pemenang anugerah sama, Che'e Azliza Mohd Radzi, masing-masing menerima segulung watakah, Pingat Jaya Cemerlang dan wang tunai RM2,500, yang disampaikan Canselor Usim, TuanKu Najihah Tunku Besar Burhanuddin.



**BERKAT KESUNGGUHAN:** Anuar dan Che'e Azliza menunjukkan Pingat Jaya Cemerlang apabila menerima Anugerah Pelajaran Diraja pada Majlis Konvokesyen Kelima Usim di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam.

Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pengajian Tinggi, Omar Abd Rahman, mewakili Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Pengerusi Lembaga Pengarah Usim, Tan Sri Dr Yusof Noor; dan Naib Canselor Usim, Prof Datuk Dr Abdul Shukur Husin.

Selain itu, Anuar dianugerahkan Hadiah Buku Universiti dan Hadiah Kokurikulum. Pada majlis sama, Che'e Azliza turut memenangi Hadiah Buku Universiti dan Hadiah Buku Fakulti. Kedua-duanya menerima Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian (Kelas Pertama).

Anugerah Canselor pula disampaikan kepada graduan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian, Nur Azuzela Mohamad Arshad, manakala Pingat Emas Naib Canselor bagi graduan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian, Siti Khadijah Hasbullah.

### FAKTA NOMBOR

Majlis Konvokesyen Kelima Usim

568

Graduan

514

Ijazah sarjana muda